From: UUM CORPORATE COMM.
Sent on: Friday, 5 August, 2022 8:21:46 PM
To: UUM - All Staff; UUM - All Students
Subject: PERKONGSIAN BERMANFAAT OLEH PROFESOR EMERITUS DR. KEITH A. HOUGHTON

UUM Corporate Comm.
Universiti Utara Malaysia

5 OGOS 2022 / 7 MUHARAM 1444H
==========

"UUM : UNIVERSITI PENGURUSAN TERKEMUKA"
(THE EMINENT MANAGEMENT UNIVERSITY)

Berita dan Gambar oleh: ARICG UUM

PERKONGSIAN BERMANFAAT OLEH PROFESOR EMERITUS DR. KEITH A. HOUGHTON



UUM ONLINE: Asian Research Institute for Corporate Governance (ARICG), Universiti Utara Malaysia (UUM) telah menganjurkan program "*Engagement of Experts from Malaysia with Australia*" di Dewan Seminar C, Kompleks Konvensyen, baru-baru ini.

Program berkenaan telah disampaikan oleh Profesor Emeritus Dr. Keith A. Houghton, yang merupakan Profesor Pelawat Pusat Pengurusan Penyelidikan dan Inovasi (RIMC). Program ini adalah salah satu daripada sesi lawatan beliau ke Universiti Utara Malaysia.

Objektif utama program ini bertujuan memberi pendedahan yang jelas tentang tip untuk membida geran antarabangsa. Manakala di sebelah petang, diadakan sesi "*Research Proposal Clinic*" iaitu platform para penyelidik berbincang dengan beliau bagi menghasilkan kertas cadangan yang berkualiti dan berimpak.

Dalam program yang disertai pensyarah dan juga pelajar ijazah doktor falsafah dari pelbagai pusat pengajian itu, pelbagai soalan dilontarkan di dalam sesi soal jawab. Diharapkan sesi perkongsian memberi manfaat buat para penulis dalam menghasilkan kertas cadangan penyelidikan dan juga artikel yang berimpak tinggi.



Please consider the environment before printing this e-mail

Universiti Utara Malaysia Official Website http://www.uum.edu.my

Disclaimer: This e-mail (including any attachments) may contain confidential information. If you are not the intended recipient, you are hereby notified that any review, distribution, printing, copying or use of this e-mail is strictly prohibited. If you have received this e-mail in error, please notify the sender or Universiti Utara Malaysia (UUM) immediately and delete the original message. Opinions, conclusions and other information in this e-mail that do not relate to the official business of UUM and/or its group of companies shall be understood as neither given nor endorsed by UUM and UUM accepts no responsibility for the same. All liability arising from or in connection with computer viruses and/or corrupted e-mails is excluded to the fullest extent permitted by law.